

PENULARAN MAKLUMAT PALSU MENGGUNAKAN PORTAL MYTAX HASiL

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (HASiL) ingin menarik perhatian umum berhubung penularan maklumat palsu mengenai status bayaran balik pembayar cukai menggunakan portal MyTax. Justeru, ingin ditegaskan bahawa HASiL **tidak pernah** mengeluarkan sebarang kenyataan berkaitan perkara ini dan orang ramai dinasihatkan supaya tidak menyebarkan berita atau maklumat palsu.

Sebagai sebuah agensi Badan Berkanun Persekutuan, HASiL memandang serius terhadap penyalahgunaan nama HASiL di mana-mana platform atau sebarang kegunaan yang boleh mengelirukan orang ramai. Secara amnya, sebarang penyebaran berita palsu boleh didakwa di bawah Seksyen 505 Kanun Keseksan dan Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia (AKM).

Tiada sebarang makluman menggunakan portal MyTax boleh dilakukan tanpa kebenaran dan HASiL tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan tegas ke atas mana-mana pihak yang terlibat mengikut peruntukan undang-undang yang berkuat kuasa.

Sehubungan itu, HASiL ingin mengingatkan orang ramai agar berhati-hati dengan sebarang bentuk e-mel, pautan dan teks Whatsapp yang mencurigakan. Sebarang semakan maklumat berkaitan percukaian boleh dibuat menerusi saluran yang sah seperti berikut:

- i. Portal rasmi HASiL di www.hasil.gov.my;
- ii. Portal MyTax di <https://mytax.hasil.gov.my>;
- iii. HASiL Contact Centre (HCC) di talian 03- 8911 1000; dan
- iv. Berkunjung ke pejabat HASiL berhampiran.

HASiL memandang serius berkenaan isu ini dan meletakkannya sebagai keutamaan (*priority*) yang tertinggi dalam usaha meningkatkan keyakinan serta kepercayaan pembayar cukai terhadap perkhidmatan yang diberikan oleh HASiL dalam urusan pentadbiran percukaian. Oleh yang demikian, HASiL akan terus berusaha menambahbaik mutu perkhidmatan dan bertindak secara proaktif bagi menangani isu ini.

SEKIAN, TERIMA KASIH.

ESCALATE THE PASSION

Dikeluarkan oleh:

Jabatan Khidmat Korporat

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Hasil Contact Centre: 03-8911 1000 / 603-8911 1000 (luar negara)

Portal Rasmi : www.hasil.gov.my

Tarikh: 04 November 2024

LAMPIRAN



Your Refund Status ✉ Inbox ☆

MyTAX 05:16 Unsubscribe ⋮

to me ^

From MyTAX - mytax@mail.hotmart.host
 Reply to marclogonzaga022@gmail.is
 To enietham14@gmail.com
 Date 3 Nov 2024, 05:16
 Standard encryption (TLS).
 See security details

MyTax

Hello

We want to inform that you are eligible to receive a refund according to our last calculations.

To get your refund as soon as possible, you are required to complete a brief verification process.

Get Refund

WASPADA DENGAN SCAMMERS

PIHAK HASIL TIDAK MENGHANTAR PAUTAN BERKENAAN BAYARAN BALIK MELALUI MANA-MANA PLATFORM. SEBARANG PERMOHONAN TRANSAKSI BAYARAN BALIK ADALAH MELALUI PORTAL MYTAX SAHAJA.

**JANGAN KLIK PADA APA-APA PAUTAN YANG MENCURIGAKAN
 BERHATI-HATI DAN JANGAN TERPEDAYA**

www.hasil.gov.my
📞 03-8911 1000
📘 facebook.com/HASiLMalaysia
📷 hasil_malaysia
📺 @HASiL_Malaysia
✂ @HASiL_Malaysia
🎵 @hasil_malaysia

JABATAN KHIDMAT KORPORAT | CORPORATE SERVICES DEPARTMENT

LHDN
MALAYSIA